

16/01/2002

PM harap keputusan gabung RHB Bank, UBG dicapai minggu ini

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau berharap satu keputusan akan dicapai antara RHB Bank Bhd (RHB Bank) dan Utama Banking Group Bhd (UBG) berhubung cadangan penggabungannya, minggu ini.

Perdana Menteri berkata, beliau berharap persetujuan mengenai penggabungan itu dapat dicapai kerana ia sudah terlalu lewat.

"Saya harap, mereka (RHB Bank) akan bergabung dengan Bank Utama," kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, ketika menjawab soalan pemberita di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau ditemui selepas majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan dan Jamuan Hari Raya Kepada Anak Yatim anjuran Lembaga Tabung Haji, ibu pejabat Tabung Haji, Kuala Lumpur, semalam.

Sambil menegaskan bahawa penggabungan itu sebagai sukarela, Perdana Menteri berkata, "kita sudah nyatakan bahawa tiada lagi lesen bagi bank yang mempunyai modal kurang daripada RM2 bilion".

"Jadi, kita tengok apa yang akan terjadi kepada Bank Utama," katanya.

Ditanya sama ada 10 bank teras adalah mencukupi untuk Malaysia, Dr Mahathir berkata, "Kita tidak menjangka akan berlaku lagi penggabungan buat masa ini, tetapi berharap mereka akan terus bergabung (sesama sendiri) dan menjadi lebih besar".

Sebuah akhbar kewangan mingguan baru-baru ini melaporkan kedua-dua RHB Bank dan UBG diberikan tempoh sehingga akhir minggu ini untuk memeterai perjanjian penggabungan mereka.

Menurut laporan itu, Bank Negara dikatakan sudah memberi arahan kepada dua bank berkenaan untuk menyelesaikan pelbagai perkara dalam rundingan mereka dan meneruskan cadangan penggabungan.

Rundingan penggabungan antara RHB dan UBG bermula pada Februari lalu tetapi dikatakan dibelenggu pelbagai masalah berhubung kos pengambilalihannya.

UBG bercadang menguasai 55 peratus kepentingan dalam RHB Capital Bhd (RHB Capital), yang memiliki 70 peratus saham RHB Bank, satu daripada tiga bank terbesar tempatan.

(END)